


4. Rajah 4.1 menunjukkan susunan radas bagi eksperimen untuk mengkaji kesan saiz bahan ke atas kadar tindak balas. Kepekatan asid hidroklorik yang digunakan ialah 0.2 mol dm^{-3} .



Rajah 4.1

Jadual 3 menunjukkan keputusan eksperimen.

Masa (s)	Isi padu karbon dioksida (cm^3)	
	Ketulan kalsium karbonat	Serbuk kalsium karbonat
0	0	0
60	4	7
120	8	14
180	12	21
240	16	28
300	20	35

Jadual 3

- (a) Berikan pemboleh ubah dimanipulasi.

.....
[1 markah]

- (b) Berikan satu inferens daripada eksperimen ini.

.....
[1 markah]

- (c) Apakah hipotesis bagi eksperimen ini?

.....
[1 markah]

- (d) Ramalkan isi padu karbon dioksida yang dihasilkan jika kepekatan asid hidroklorik adalah 0.5 mol dm^{-3} bagi serbuk kalsium karbonat.

.....
[1 markah]